

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN**

**(BUKIT KATIL)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN [ BUKIT KATIL ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan impak setiap penurunan harga minyak mentah antarabangsa sebanyak US\$1 per barrel terhadap pendapatan Petronas dan hasil kerajaan persekutuan.

**JAWAPAN**

Sumbangan PETRONAS kepada Kerajaan Persekutuan meliputi hasil cukai langsung yang merangkumi cukai pendapatan syarikat dan cukai pendapatan petroleum, duti eksport, bayaran tunai (royalti) dan dividen. Dari segi impak setiap penurunan harga minyak mentah antarabangsa sebanyak USD1 setong, dianggarkan keuntungan sebelum cukai

PETRONAS akan berkurang dalam lingkungan RM1 bilion, tidak termasuk dividen daripada PETRONAS kepada Kerajaan Persekutuan.

2. Berhubung dengan impak kepada hasil Kerajaan Persekutuan pula, kesannya agak berbeza memandangkan hasil Kerajaan Persekutuan daripada sumber petroleum merangkumi hasil daripada cukai pendapatan petroleum, duti eksport, royalti (bayaran tunai), dividen PETRONAS dan hasil daripada MTJA (Malaysia Thailand Joint Development Area). Sehubungan dengan ini, bagi setiap penurunan harga minyak mentah antarabangsa sebanyak USD1 setong, hasil Kerajaan Persekutuan dianggarkan menyusut dalam lingkungan RM300 juta pada tahun semasa dan jumlah tersebut tidak mengambilkira impak kepada dividen PETRONAS. Bagi dividen pula, penetapan dividennya kepada hasil Kerajaan Persekutuan adalah berdasarkan kepada purata harga minyak mentah pada tahun sebelumnya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN MOHD AKIN  
[BUKIT KATIL]**

**SOALAN : 562**

**Tuan Shamsul Iskandar Bin Mohd Akin (Bukit Katil) minta MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sekiranya ada cadangan untuk menurunkan cukai jalan kenderaan menggunakan diesel memandangkan harga bahan bakar minyak akan sentiasa diselaraskan mengikut harga pasaran dunia.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Lesen Kenderaan Motor (LKM) diperuntukkan dibawah Seksyen 15 Akta Pengangkutan Jalan 1987 manakala kadar LKM di Malaysia di tetapkan di bawah Jadual Keempat, Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pendaftaran dan Pelesenan)1959. Kadar cukai jalan sedia adalah berdasarkan kepada kawasan penggunaan kenderaan, kelas kegunaan, kapasiti enjin serta bahan bakar yang digunakan serta berbeza mengikut kriteria-kriteria ini.

Buat masa ini, Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sedang dalam proses untuk menyelaraskan kadar LKM melibatkan Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak di mana cadangan penurunan kadar LKM melibatkan kenderaan menggunakan diesel akan turut diteliti. Cadangan penyelarasan kadar LKM ini seterusnya akan dibawa kepada perhatian Kementerian Kewangan untuk mendapatkan pertimbangan selanjutnya.